

Uchapan Belanjawan bagi Kementerian
Pembangunan Luar Bandar - 1961.

Tuan Yang Di-Pertua, saya meminta kebenaran
tuan membentangkan Kepala2 S50 hingga, ia-itu Kepala2
Perbelanjaan di-bawah Kementerian Pembangunan Luar
Bandar.

Dengan membentangkan Belanjawan Kementerian
i n i , maka kepada Dewan i n i saya suka menerangkan
bahawabukan-lah maksud Kerajaan hendak meluaskan
Kementerian Pembangunan Luar Bandar ini menjadi
satu pertubuhan yang bertanggung jawab terhadap tiap2
jurusan kemajuan di-luar bandar, bahkan sa-benar-nya
tugas utama Kementerian ini ia-lah satu2-nya di-tujukan
kapada menyatukan pada keselurohan-nya segenap tenaga
Kerajaan di-kawasan2 di-luar bandar: tegas-nya
segala perkhidmatan di-kawasan2 luar bandar ia-lah
tanggung jawab Kerajaan, saperti jalan2 raya,
kelinik, sekolah2, parit dan tali2 ayer dan berbagai2
perkara lagi hanya akan dapat di-selenggarakan dengan
usaha2 Kementerian2 dan Jabatan2 yang sedia bertanggung
jawab. Tuan Yang Di-Pertua, saya menyebutkan
perihal ini ia-lah oleh sebab saya telah berulang2
kali di-tanya berapa juta-kah telah di-peruntukan
kapada Kementerian Pembangunan Luar Bandar di-dalam
Belanjawan dari setahun ka-setahun.

Kedudukan-nya ada-lah begini, Semua Daerah
telah pun menyediakan satu chadangan bagi Rancangan
Pembangunan Luar Bandar Daerah masing2, tegas-nya
sekarang di-kenali sebagai "Buku Merah", Segala
Rancangan Daerah ini telah di-satukan dan di-rangkaikan
menjadi satu Rancangan Negeri dan tiap2 satu Rancangan
Negeri telah di-siapkan dan di-hantar ka-Kementerian

ini di-mana rancangan2 ini telah di-susun semula menurut bahagian masing2 seperti jalan2 raya kelinik2 kesehatan, rancangan2 tali ayer, perbekalan ayer dan lain2 lagi. Kemudian-nya peruntukan wang yang di-kahendaki untok tiap2 rancangan pembangunan luar bandar itu di-bahagi2kan dan di-serahkan supaya di-masokan kedalam belanjawan tiap2 Jabatan yang berkenaan bagiperlaksanaan-nya.

Walau bagaimana pun, Kementerian Pembangunan Luar Bandar ada-lah mempunyai tugas yang besar pada keseluruhannya, dalam menyatukan kerja2 serta Perpaduan tiap2 Kementerian dan Jabatan2 yang berkenaan bagi kemajuan di-luar bandar. Tuan Yang Di-Pertua, saya suka menerangkan bahawa di-waktu merancang Pembangunan Luar Bandar atau planning ini saya merasa puas hati terh-dap tindakan dan tenaga yang telah di-beri oleh semua Pegawai2 baik pun di-perengkat Negeri atau pun di-perengkat Daerah.

Berhubung dengan perancangan ini, hampir di-dalam tiap2 daerah, langkah2 sedang di-jalankan dengan giat-nya dalam melaksanakan banyak projek2 yang mana banyak telah pun di-siapkan dalam tahun ini. Oleh kerana banyak-nya projek2 ini maka tak dapat-lah saya menghuraikan-nya satu persatu, malahan saya mengambil peluang ini menguchapkan "SHABATH" kepada tiap2 Kerajaan Negeri dan tiap2 Pegawai Daerah dan sekalian ahli jawatankuasa Pembangunan Luar Bandar Daerah-nya terhadap semangat perkhidmatan dan rasa tanggung jawab yang telah di-beri mereka sabagaimana telah terbukti dengan jelas-nya dalam segala perkara yang telah di-lakukan mereka untok faedah dan kemudahan penduduk di-luar bandar.

Biar-lah saya kembali semula kepada semua sekali Kepala2 50 hingga **54** itu. Saya suka menunjukan bahawa dalam membandingkan Kepala2 ini dengan belanjawan tahun ini, akan terdapat-lah kekurangan pada satu Kepala, ia-itu, Jabatan Kemajuan Kampong dan Perhubungan Masharakat. Jabatan ini telah di-hapuskan daripada menjadi satu Jabatan yang berasingan dan sekarang telah di-jadikan satu bahagian Kementerian ini. Sebab-nya ia-lah bahawa Kementerian Pembangunan Luar Bandar dalam segala hakekat-nya ada-lah menjalankan tugas sebuah Jabatan bagi kemajuan perhubungan kaum dan ternyata-lah tidak ada mustahak-nya mengadakan sa-buah Jabatan yang berasingan daripada Kementerian ini. Tuan Yang Di-Pertua, sabagaimana yang telah saya nyatakan, bahawa bukan-lah tujuan kita berniat hendak membena sa-buah pertubohan atau jentera yang besar, bahkan maksud yang sabenar-nya ia-lah mempergunakan dengan sa-penoh2-nya akan alat2 yang ada pada sisi Kerajaan. Oleh yang demikian itu tegas-lah bahawa jalan yang sepatut-nya di-ambil ia-lah memansuhkan Jabatan ini dan di-masokan ka-dalam Kementerian ini.

Tuan Yang Di-Pertua, saya ada terdengar orang berkata, bahawa dasar Pembangunan Luar Bandar kita pada keselurohan-nya, melekatkan tanggung jawab semata2 kepada Kerajaan dan tindakan yang sewajar-nya belom pun di-ambil untuk menyeru penduduk2 di-luar bandar supaya menjalankan peranan2 dan memberi sokongan mereka.

Saya suka-lah menghuraikan dasar kita dalam perkaraini.

Ternyata-lah kepada kita bahawa asas pertama sekali dalam satu2 program bagi melaksanakan kemajuan di-luar bandar, ada-lah menjadi tanggung jawab yang

utama Kerajaan pada meletakkan rangka2 "batu asas di mana kemajuan yang telah di-ranchang akan di-taja dan kemudian-nya sa-telah di-lancharkan beanaan asas itu, Tuan, boleh-lah kita dengan hati yang suchi berhadapan pula dengan ra'ayat dan berseru. "Itu dia tapak asas yang membolehkan tuan2, penduduk2 di-kawasan luar bandar menyudahkan beanaan-nya".

Sebagaimana yang telah di-terangkan dengan tegas-nya di-waktu progrem2 Pembangunan Luar Bandar di-lancharkan, bahawa satu daripada syarat2 untuk terchapai-nya kejayaan progrem2 ini ia-lah hendak-nya tiap2 orang memberi sa-penoh2 kerjasama dengan ikhlas. Tegas-nya dasar kita ia-lah membena ra'ayat yang boleh berdiri di-atas tapak kaki mereka **sendirio** Pehak Kerajaan hanya akan dapat mengadakan bantuan yang sa-rendah2-nya sahaja yang di-fikir munasabah dan sekira-nya orang2 ramai mahu mengechap naemat dan faedah yang sa-benar-nya daripada bantuan itu maka hendak-lah mereka sendiri berusaha pula. Sekarang, perengkat pertama ranchangan kita telah pun sempurna di-lancharkan, maka ada-lah maksud saya melancharkan perengkat kedua pula pada awal tahun hadapan ini ia-itu memberitahu segenap lapisan raayat bagaimana hendak-nya mereka patut menjalankan peranan2 mereka dalam perlaksanaan segala ranchangan2 pembangunan luar bandar ini.

Ada-lah di-antara jurusan2 yang amat mustahak, selain daripada mengadakan kemudahan2 dan kebajikan umum, seperti mengadakan jalan2 raya, sekolah2, perbekalan ayer dan kuasa elektrik ia-lah dalam perkara memberi tanah. Sunggoh pun ehwal tanah ada-lah satu2-nya urusan Negeri, namun tugas menyelesaikan saki baki permohonan2 tanah dan dalam menentukan jalan dan

chara supaya rakyat dapat tanah mereka dengan seberapa cepat yang boleh. Untuk memenuhi kemahuan rakyat ini, maka Kerajaan Persekutuan tidak-lah pula berkurangan hak tanggung jawab-nya. Oleh yang demikian masalah untuk menyelesaikan saki baki permohonan tanah ada-lah sedang mendapat perhatian **yang** tegas oleh Kementerian saya dan juga oleh Kerajaan Negeri. Masalah yang besar sekali ia-lah letak-nya pada mengator dan menyusun semula Pejabat Tanah dan Pertadbiran Tanah di-Negeri. Ahli Yang Berhormat tahu bahawa tidak seberapa yang dapat di-lakukan jika tidak dengan ada-nya kerja-sama Kerajaan Negeri. Ada-lah nyata bahwa mengadakan perubahan yang baik dalam Pertadbiran Tanah ada-lah sangat mustahak, akan tetapi perubahan ini ha-nya-lah akan dapat di-letakkan ke-atas Kerajaan Negeri dengan ketetapan yang di-perbuat oleh Majlis Mesuarat Tanah Negara sahaja.

Saya telah memberi tahu Kerajaan Negeri bahawa Kerajaan akan memberi kerjasama dan pertolongan yang patut kepada Kerajaan Negeri yang akan menjalankan dasar pemberian Tanah yang telah di-persetujui oleh National Land Council itu.

Ini-lah dia-nya rancangan Kemajuan tanah yang di-namakan Tempat Tinggal Beramai yang telah di-persetujukan oleh Dewan ini dan jua oleh National Land Council. Kerajaan Persekutuan telah mengaku hendak member! bantuan seperti yang tersebut itu. Tetapi Kerajaan tidak dapat hendak menunaikan janji-nya ke-mana negeri yang tidak menerima dasar atau pun tidak menjalankan dasar ini dengan ikhlas dan sempurna. Sungguh pun tanggung jawab berkenaan dengan tanah pada Kerajaan

Negeri tetapi Kerajaan Persekutuan sa-mata memandangi kepentingan rakyat dan kepada kemajuan mereka. Sebab itu-lah Kerajaan Persekutuan telah bersetuju hendak memberi bantuan seperti yang tersebut.

Dan sekarang Kerajaan Negeri telah pun bersetuju dengan dasar Kerajaan Persekutuan menumpukan keutamaan terhadap memberi tanah, menutop buat sementara buku2 permohonan tanah dan membekukan permohonan2 yang sedia, dan dengan ini separoh daripada masalah itu telah dapat di-selesaikan. Ada-lah menurut keputusan Majlis Mashuarat Tanah Negara bahawa pemberian di-masa akan datang hanya akan di-lakukan dengan mengadakan kumpulan dan kawasan2 tempat tinggal beramai2 dan dengan berjalannya Undang2 Tanah (Kawasan Tempat Tinggal Beramai2), maka tidak-lah lagi permohonan2 tanah bersendirian akan di-layan oleh Pejabat2 Tanah. Maka dengan ini permohonan menurut chara lama tegas-nya sesiapa yang ingin mendapat tanah wajib-lah mereka membuat permohonan ke-Pejabat Tanah chuma dengan menunjukan tempat dan keluasan tanah yang mereka pilih dengan tiada menghiraukan sama ada tanah itu menchukopi atau tidak, akan tidak-lah lagi sesuai dan di-kehendaki. Chara menerima dan melayan permohonan bersendirian yang ta' sesuai ini telah menyebabkan kesulitan dan keadaan huru-hara di-kebanyakan Pejabat Tanah.

Oleh yang demikian itu untuk mengelakan daripada kesulitan2 ini, maka saya suka-lah menyatakan bahawa saya telah mendapat sokongan dan persetujuan Kerajaan2Negeri tentang satu dasar baharu ia-itu memberi "tanah kepada orang2 yang ta mempunyai tanah" sebagaimana yang telah di-sebutkan di-dalam siaran Perintah Pembangunan Luar Bandar No. 21

Ada-lah satu2-nya chara untok menchapai tujuan ini i a -lah dengan mengeluarkan sebanyak2 kebun-kechil2 yang boleh mendatangk-kan chukop hasil dalam masa yang sesengkat2-nya. Dengan chara ini ada-lah mustahak Pertadbiran Pejabat Tanah di-susun semula dengan mengadakan satu bahagian berasingan untok menumpukan tenaga semata2 kepada pengeluaran dan memajukan tanah, yang demikian meninggalkan urusan pertadbiran umum dan lain2 pekerjaan lazim di-Pejabat Tanah kepada satu hahagian yang lain. Saya yakin bahwa ini-lah satu jalan sahaja yang membolehkan kita memberi tanah dengan seberapa chepat yang boleh. Ada-lah di-dalam Perintah ini telah di-tegaskan supaya di-tumpukan segenap tenaga oleh Jabatan2 Tanah dan Ukor pada mengeluarkan:-

- (a) Kawasan2 yang luas di-bahagikan untok di-jadikan kebun2 yang chukop hasil kepada keluarga2 yang tidak bertanah langsung, atau ha-nya memiliki kurang daripada 2 ekar tanah.
- (b) Kawasan2 Pinggiran: (Ya'ni kawasan2 yang berhampiran dengan kampong sedia) mempunyai keluasan yang sama -untok menjadi tambahan kepada kebun2 sedia yang hasilnya tidak menchukopi.

Berhubong dengan meranchang, semua Jabatan Kerajaan yang berkait dengan kemajuan tanah telah pun di-perintah supaya memberi sa-penoh2 tenaga dalam memilih kawasan2 ini. Untok mengelakkan daripada berlaku kerja2 yang membazir di-masa yang akan datang, semua kawasan2 yang di-pilih untok di-jadikan kawasan tempat dudok beramai2 akan di-sukat dan di-ukor dahulu oleh Pejabat Ukor.

Oleh itu bagi melaksanakan dasar Tempat Tinggal Beramai2 itu, bahawa telah di-tetapkan di-dalam Majlis Mashuarat Tanah Negara di-dalam persidangan-nya baharu2 ini bahawa Kerajaan Negri bersetuju akan penubohan kedua2 jenis Tempat Tinggal Beramai2 ini. Keutamaan2 akan di-beri dalam mengeluarkan tanah di-dalam Kawasan2 Tempat Tinggal Beramai2 ini. Telah juga di-persetujui bahawa bantuan2 akan di-peruntokan dari hasil mahsul Negri dan Persekutuan. Pemberian daripada Negeri ada-lah merupai:-

- (a) penanggohan bayaran harga tanah bagi tempoh 9 tahun yang pertama.
- (b) penanggohan bayaran hasil tanah bagi tempoh yang sama.

Pemberian daripada Kerajaan Persekutuan ada-lah mengandungi dua jenis yang tertentu:-

- (a) Pendahuluan pinjaman untuk bayaran upah dan belanja2 tebas terbang dan membersehh kawasan.
- (b) Bantuan perchuma untuk harga2 benih dan baja.

Bahawa pinjaman2 Persekutuan akan di-jelaskan dalam tempoh 15 tahun.

TUAN, SAYA MENCHADANGKAN BAHAWA PERBELANJAAN DI-BAWAH KEPALA2 **S50** HINGGA **S54** DI-PERSEKUTUAN.